

23 JUN 1999

Shahidan-Belia

PUSAT LATIHAN BELIA AKAN DIWUJUDKAN DI PERLIS

KANGAR, 23 Jun (Bernama) -- Sebuah pusat latihan belia berharga RM51 juta akan dibina di Kuala Perlis sebelum akhir tahun ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, pusat latihan itu bukan sahaja bakal melahirkan belia yang berkualiti malah akan turut membantu perkembangan pekan pinggir laut itu.

Pusat latihan itu akan mengandungi pelbagai kemudahan terkini bagi menampung keperluan latihan belia, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Katanya, kerajaan negeri juga akan menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pelantikan seorang lagi anggota Exco kerajaan negeri.

Perlis kini mempunyai kekosongan satu jawatan anggota Exco apabila anggota dewan undangan negeri kawasan Simpang Empat, Che Ah binti Long digugurkan daripada senarai baru anggota Exco awal bulan lepas.

Tempoh pelantikan anggota Exco kerajaan negeri Perlis adalah selama setahun, dan bagi meneruskan perkhidmatan mereka yang dipilih semula perlu mengangkat sumpah di hadapan Raja Perlis.

Pada masa ini, Perlis mempunyai lima anggota Exco terdiri daripada Datuk Yazid Mat, Datuk Khor Liang Tee, Abdul Azib Saad, Ibrahim Salleh dan Ishak Arshad.

Shahidan juga menyatakan bahawa pejabat Menteri Besar Perlis akan mewujudkan Unit Pembangunan Kemasyarakatan dan Dakwah tidak lama lagi.

Unit itu yang akan mempunyai 45 kakitangan akan dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan pembangunan kemasyarakatan melalui bidang ekonomi di samping meningkatkan kegiatan keilmuan.

-- BERNAMA

AD NMO